

24) RUMAH SELANGORKU

Adun : Y.B. Datuk Seri Jamil Bin Salleh (Dengkil)

Kategori : Bertulis

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Berikan jumlah projek Perumahan Selangorku yang sudah diduduki dan yang masih dalam pembinaan di kawasan DUN Dengkil.

Secara keseluruhan sejak Dasar Rumah SelangorKu (RSKU) mula diperkenalkan sehingga 31 Mei 2025, terdapat **56 projek** dengan **43,465 unit** Rumah Selangorku telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) di kawasan Dun Dengkil. Pecahan jumlah tersebut sebanyak **15 projek** dengan **6,320 unit** telah siap dibina dan diserahkan kunci serta telah diduduki, sebanyak **9 projek** dengan **5,332 unit** dalam pembinaan dan manakala baki **32 projek** dengan **31,813 unit** lagi sedang dalam peringkat perancangan.